

# Media diminta tidak dedah identiti penghidap

BH 21 MAY 2000

**KUALA LUMPUR:** Media harus memainkan peranannya dalam mengurangkan penderitaan ditanggung oleh individu yang hidup dengan HIV/Aids (PLWHA) dan keluarga mereka, kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Marina berkata, tindakan media mendedahkan identiti individu berkenaan akan mempengaruhi gaya hidup mereka yang boleh memberi kesan jangka panjang kepada keluarga mereka memandangkan masyarakat masih memandang rendah golongan berkenaan.

“Media sepatutnya memberi tumpuan kepada masalah sistem yang menyebabkan kejadian pemindahan darah yang tercemar dengan virus HIV berlaku, bukannya memberi tumpuan untuk mendedahkan identiti sebenar penerima dan penderma darah berkenaan,” katanya pada sidang media

selepas merasmikan Forum Nasional Haart 2000 di Hotel Renaissance Kuala Lumpur di sini semalam.

Beliau mengulas pendedahan media mengenai identiti seorang suri rumah yang menerima darah dicemari virus HIV ketika menjalani pemin-dahan darah di Hospital Jitra, baru - baru ini.

Selain itu, Marina berkata, tindakan media itu turut menjejaskan usaha yang dijalankan oleh MAM untuk menyedarkan masyarakat mengenai virus HIV/Aids.

“Mungkin selepas ini orang ramai akan hilang keyakinan kepada sistem yang sedia ada akibat tindakan sege-lintir pihak yang tidak tahu menyimpan rahsia,” katanva.

Katanya, kebarangkalian penerima darah untuk mendapat virus HIV/Aids adalah dalam nisbah 1500,000, kerana virus itu hanya boleh dipin-

dahkan kepada individu lain menerusi kegiatan seksual dan perkongsian jarum suntikan.

Bagaimanapun, beliau yakin dengan jaminan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan kejadian itu tidak berlaku lagi.

Sementara itu, beliau berkata, sejak Kongres Antarabangsa Mengenai Aids di Asia dan Pasifik (ICAAP) kelima diadakan tahun lalu pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk meningkatkan kemudahan rawatan terhadap PLWHA.

Dalam oada itu, forum selama dua hari yang diadakan dengan kerjasama Yayasan Aids Malaysia dan Merck Sharp & Dohme (MSD) bertujuan memberi pendedahan kepada doktor tempatan mengenai kaedah terbaru rawatan virus HIV/Aids terutamanya dalam bidang terapi gabungan antiretroviral.